

PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM PELAKSANAAN PENDIDIKAN ASAS VOKASIONAL: TRANSFORMASI SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA.

Nur Iwani Azmi

Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
E-mail: nuriwaniazmi@gmail.com

Mohamad Hisyam Mohd. Hashim

Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
E-mail: mhisyam@uthm.edu.my

Abstrak

Kertas konsep ini menerangkan pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional yang juga merupakan aliran dalam sistem Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Fokus utama adalah berkaitan dengan kemahiran insaniah dalam pelaksanaan Struktur Kurikulum Pendidikan Asas Vokasional yang merangkumi tiga komponen utama iaitu Jati Diri, Teknologi Vokasional dan Kemahiran Vokasional selain daripada Kemahiran Keusahawanan yang diajar merentasi kurikulum dalam tempoh tiga tahun pengajian. Kurikulum yang dilaksanakan memberi tumpuan kepada pembinaan jati diri, pembangunan kompetensi keusahawanan dan pembangunan kompetensi Kemahiran Vokasional di Tahap 1 dan tahap 2 dalam Sijil Kemahiran Malaysia. Pendidikan Asas Vokasional ditawarkan pada peringkat awal yang bermula dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 bertujuan untuk mencegah kadar keciciran pelajar dan juga meningkatkan enrolmen pelajar vokasional dan kemahiran di negara ini. Program ini merupakan lanjutan dan pengembangan Kursus Kemahiran Hidup dan juga menyediakan peluang bagi pelajar yang lebih cenderung kepada program vokasional dalam bentuk kemahiran tangan. Kertas konsep ini turut mengemukakan isu dan cabaran dalam penerapan kemahiran insaniah dalam melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional. Melalui penerapan kemahiran insaniah diharap dapat melahirkan pelajar dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, mahir dan disediakan dengan nilai-nilai murni yang akan menjadi sumbangan kepada kejayaan Wawasan 2020 Malaysia untuk meningkatkan produktiviti dan memajukan ekonomi negara.

Kata kunci: Transformasi Pendidikan Negara, Pendidikan Asas Vokasional, Kemahiran Insaniah

1. Pendahuluan

Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) yang juga dikenali sebagai *soft-skills* sering kali diperkatakan di peringkat pengajian tinggi bagi melahirkan graduan yang bersedia untuk melangkah ke alam pekerjaan. Namun begitu, adalah sangat bersesuaian KI ini mula diterapkan di peringkat sekolah memandangkan pada masa ini mereka mudah dilentur dan amalan ini berterusan sehingga mereka meneruskan pelajaran peringkat tinggi selari dengan ajaran Islam yang sentiasa menuntut umatNya membuat kebaikan. Melalui penerapan KI di peringkat sekolah, mampu mempersiapkan dan melengkapkan pakej dalam diri pelajar dengan kemahiran berkomunikasi, mempunyai penampilan diri yang baik,

penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, mempunyai kemahiran bersosial dan bermotivasi sebagai persediaan untuk menghadapi peringkat pengajian yang lebih tinggi dan juga dunia pekerjaan.

Namun begitu, tidak terdapat senarai kemahiran khusus bagi KI tetapi kebanyakannya berkait dengan kemahiran seperti kerjasama berpasukan, kepemimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Kemahiran ini penting supaya pelajar yang dihasilkan dapat menjadi tenaga kerja yang dapat memberi sumbangan yang produktif kepada organisasi mereka yang akan memberi impak yang positif kepada organisasi. Penerapan KI ini turut diterapkan dalam program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) melalui kurikulum yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang menjurus kepada pembinaan jati diri, pengembangan kompetensi keusahawanan dan pembangunan kompetensi kemahiran vokasional yang menitik beratkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Justeru itu, sistem pendidikan persekolahan di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) telah menggariskan kemahiran insaniah yang perlu untuk pelajar sebagai persediaan untuk kerjaya adalah seperti berikut:-

- a) Kemahiran berkomunikasi
- b) Kemahiran menggunakan teknologi
- c) Kemahiran merancang dan mengelola aktiviti
- d) Kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan
- e) Kemahiran menyelesaikan masalah
- f) Kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat
- g) Kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik
- h) Kemahiran memahami budaya

PAV merupakan program yang mula dilaksanakan mulai 2012 di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian sebagai peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di Darjah 4 hingga Darjah 6 di Sekolah Rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011b). Penerapan KI ini sangat perlu dalam menanam nilai-nilai murni dalam diri pelajar kerana Fuziah (2007) menjelaskan yang kemahiran insaniah adalah sangat perlu diterapkan kepada murid-murid sejak di peringkat sekolah rendah untuk mencegah salah laku dan membentuk sahsiah rakyat Malaysia. Dengan cara ini, potensi pelajar diri pelajar akan dapat dikembangkan kerana menurut Mok (1996), usaha mengembangkan potensi diri bukan sahaja banyak bergantung kepada sikap positif individu, tetapi juga kemahiran-kemahiran seperti kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kemahiran berkomunikasi serta kemahiran menangani masalah dan cabaran.

2. Pendidikan Asas Vokasional

PAV merupakan pendidikan dan latihan vokasional yang dikendalikan sebagai satu aliran pendidikan dalam sistem persekolahan peringkat menengah rendah daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dan pelaksanaan rintis program ini telah dijalankan di 15 buah sekolah terpilih mulai tahun 2012. Program ini adalah untuk memberi peluang dan ruang pendidikan kepada murid yang cenderung, berbakat dan berminat dalam Pendidikan Vokasional yang mana pembelajarannya

tidak berbentuk akademik. Kurikulum yang digariskan juga bersesuaian dengan pelaksanaan program yang lebih berorientasikan kemahiran tangan (*hands-on*) ini, mampu menyediakan peluang kerjaya yang lebih luas kepada pelajar dan mengelakkan daripada mereka terus tercicir daripada arus pendidikan perdana.

Pelajar akan melalui tiga peringkat Kemahiran Vokasional bagi membolehkan mereka mendapat Sijil berserta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia dalam tempoh 3 tahun tersebut. Kursus yang ditawarkan dalam pelaksanaan PAV digubal dengan merujuk kepada National Occupational Skills Standard (NOSS) melayakkan murid dianugerahkan sijil mengikut pencapaian pelajar berdasarkan ketrampilan bagi setiap tugas yang terkandung dalam setiap NOSS kursus-kursus berkenaan. Semasa berada di Tingkatan 1, pelajar akan melalui peringkat Pra Vokasional seterusnya melalui Kemahiran Tahap 1 bagi mendapatkan SKM Tahap 1 semasa di Tingkatan 2. Akhir sekali, pelajar perlu melalui Kemahiran Tahap 2 bagi mendapatkan SKM Tahap 2 semasa di Tingkatan 3.

Penglibatan pelajar dalam bidang kemahiran dalam PAV ini akan dapat melayakkan mereka untuk menceburi bidang pekerjaan yang menarik, mencabar dan memberi pulangan gaji yang lumayan. Melalui program PAV ini, Ahmad Tajudin (2012, Januari 4) berpendapat pelaksanaannya adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi melahirkan lebih ramai tenaga muda berkemahiran tinggi memandangkan tidak semua pelajar cenderung ke arah akademik yang lebih berorientasikan peperiksaan. Dengan bekalan sijil ini, peluang kerjaya pelajar juga begitu cerah kerana bidang kemahiran sama ada separa mahir atau pun mahir dalam menawarkan bidang pekerjaan yang menarik, mencabar dan memberi pulangan gaji yang lumayan (Mustor, 2006). Oleh itu, negara akan mampu menghasilkan pekerja yang mempunyai etika dan budaya kerja, serta daya produktiviti tinggi untuk membantu sektor perindustrian negara dan daya saing di arena antarabangsa.

3. Penerapan Kemahiran Insaniah

Kegagalan siswazah mendapat kerja adalah disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan, kata Mustapa (2007, Julai 14). Beliau berkata selain daripada lemah penguasaan bahasa Inggeris, siswazah didapati berfikiran sempit, tiada ciri kepimpinan, semangat kekitaan dan tiada kemahiran berkomunikasi. Melalui program PAV ini, KI ini mula diterapkan di peringkat sekolah bagi mempersiapkan pelajar menjadi insan yang dilengkapi dengan nilai-nilai murni. Kurikulum PAV digubal untuk menghasilkan modal insan yang berkemahiran, kritis, kreatif dan inovatif melalui persekitaran pembelajaran berorientasikan pengalaman alam pekerjaan. Kurikulum yang dilaksanakan juga menjurus kepada pembinaan jati diri, pengembangan kompetensi keusahawanan dan pembangunan kompetensi kemahiran vokasional.

Kemahiran yang dibekalkan kepada pelajar PAV adalah bersesuaian dengan kemajuan negara yang kini semakin membangun untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang diingini dan tenaga kerja yang berupaya menghadapi cabaran ekonomi baru (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011c). Standard Kurikulum PAV yang memberi fokus terhadap menghasilkan modal insan yang berkemahiran dalam berbagai aspek, seperti kemahiran teknikal dan vokasional, kemahiran keboleherjaan (*employability skills*), boleh berkomunikasi dengan berkesan, boleh bekerjasama dalam satu pasukan, boleh membuat keputusan bila diperlukan dan sebagainya.

Bil.	Komponen PAV	Dimensi PAV	Subjek PAV	Kemahiran Insaniah
1.	Jati Diri	Komunikasi	Bahasa Malaysia Komunikasi	Kemahiran berkomunikasi
			Bahasa Inggeris Komunikasi	
		Patriotik	Sejarah	Etika dan moral profesional
		Sahsiah	Pendidikan Islam	Etika dan moral profesional
			Pendidikan Moral	Kemahiran kepimpinan
			PJK	
2.	Teknologi Vokasional	Teknologi	Sains untuk Vokasional	Kemahiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
			Matematik untuk Vokasional	
			TMK untuk Vokasional	Kemahiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
				Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
3.	Kemahiran Vokasional		Kemahiran Vokasional Asas	Kemahiran kerja berpasukan
			Kemahiran Vokasional Spesifik	
4.	Keusahawanan		Merentas kurikulum	Keusahawanan

** PJK = Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

**** TMK = Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011a), kurikulum PAV digubal untuk menghasilkan modal insan yang berkemahiran, kritis, kreatif dan inovatif melalui persekitaran pembelajaran berorientasikan pengalaman alam pekerjaan. Kurikulum yang dilaksanakan juga menjurus kepada pembinaan jati diri, pengembangan kompetensi keusahawanan dan pembangunan kompetensi kemahiran vokasional pada aras SKM Tahap 1 dan Tahap 2. Hal ini adalah bertepatan pendapat Ku Seman (2006, Disember 24) iaitu kemahiran-kemahiran yang diberikan perlu bersesuaian dengan kemajuan negara yang kini semakin membangun untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang diinginkan. Sewajarnya pelajar didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran yang berkaitan dengan keperluan industri sebagaimana yang ditegaskan oleh Warwick (1998) dan Abbott (1997).

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kurikulum di sekolah adalah cara utama untuk menerapkan nilai dalam diri setiap pelajar di mana Standard Kurikulum PAV yang memberi fokus terhadap menghasilkan modal insan yang berkemahiran dalam berbagai aspek, seperti kemahiran teknikal dan vokasional, kemahiran keboleherjaan (*employability skills*), boleh berkomunikasi dengan berkesan, boleh bekerjasama dalam satu pasukan, boleh membuat keputusan bila diperlukan dan sebagainya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011a). Terdapat tiga komponen dalam Struktur Kurikulum PAV yang ditekankan iaitu Jati Diri, Teknologi Vokasional dan juga Kemahiran Vokasional. Sementara itu Kemahiran Keusahawanan akan diajar secara merentas kurikulum sepanjang tiga tahun pengajian.

a) Kemahiran Berkomunikasi

Penerapan nilai-nilai murni yang bersifat global akan turut membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia dan selaras dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia (Ee, 1995). Kemahiran berkomunikasi ini dapat diterapkan dalam program ini melalui Komponen Jati Diri yang bertujuan untuk menyediakan pelajar kepada kemahiran berkomunikasi, menghayati dan mengamalkan ajaran agama, sikap dan nilai murni dalam kehidupan. Malahan bertepatan dengan dapatan kajian Mohd, Nuruddin & Yong (1995) di mana terdapat beberapa elemen-elemen kemahiran yang perlu ada pada graduan teknik dan vokasional yang berkeupayaan untuk berkomunikasi, berinisiatif, berkeyakinan dalam menghadapi cabaran-cabaran era globalisasi. Komponen Jati Diri terdiri daripada tiga dimensi iaitu Komunikasi, Patriotisme dan Sahsiah. Terdapat dua mata pelajaran bagi dimensi Komunikasi iaitu Bahasa Malaysia Komunikasi dan Bahasa Inggeris Komunikasi. Struktur kurikulum yang dibentuk dalam kedua-dua subjek membolehkan pelajar dapat berkomunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di samping mengasah kebolehan pelajar untuk menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Azalya (2003), berkaitan dengan pandangan majikan mengenai kepentingan kemahiran generik di kalangan pekerja di industri Bayan Pulau Pinang mendapati industri memerlukan pekerja fasih berbahasa Melayu dan Inggeris, pertuturan, penulisan jelas dan mudah difahami mendapat skor 100% daripada jumlah responden. Penggunaan teknologi maklumat dan perkembangan baru dalam teknologi mendapat skor lebih kurang 90%. Ini menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat penting bagi seorang pekerja di industri negara hari ini. Sementara itu Kementerian Sumber Manusia (2001) menjelaskan, antara faktor graduan tidak pekerjaan di industri adalah disebabkan majikan masa kini yang memerlukan kemahiran generik dari segi keperibadian, penampilan, keyakinan diri, mahir berkomunikasi dan mampu membuat keputusan dengan pantas di samping pengetahuan akademik tetapi graduan hari ini tidak mampu melaksanakannya menyebabkan mereka diterima bekerja.

b) Kemahiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, analitis serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Penerapan kemahiran ini boleh dilihat dengan jelas melalui Komponen Teknologi Vokasional pula bertujuan memberi pengukuhan ilmu sains, matematik dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan komponen ini terdiri daripada satu dimensi sahaja iaitu Teknologi. Mata pelajaran bagi dimensi mengandungi tiga bidang pengajian iaitu bidang Sains untuk Vokasional, Matematik untuk Vokasional dan TMK untuk vokasional. Melalui dimensi dapat mengasah kebolehan pelajar untuk mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian berjustifikasi.

Dengan mempelajari subjek Sains untuk Vokasional dan Matematik untuk Vokasional akan dapat merangsang pelajar untuk kebolehan mencari penyelesaian alternatif bagi menyelesaikan sesuatu tugas. Malahan melalui subjek ini juga, pelajar berpeluang untuk mengembangkan dan memperbaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan. Melalui kemahiran ini juga dapat menjana pemikiran pelajar dalam membuat keputusan berdasarkan bukti yang kukuh. Pemikiran kritis merujuk kepada keupayaan menggunakan minda bagi membuat pertimbangan atau penilaian dengan cermat (Azlena & Munir, 2004). Pemikiran kritis merupakan salah satu kemahiran mikro yang selalu dikaitkan dengan penyelesaian masalah atau membuat keputusan.

c) Kemahiran Kerja Berpasukan

Kementerian Sumber Manusia (2001a) melaporkan bahawa kadar pekerja yang mempunyai kemahiran vokasional yang memasuki ke pasaran pekerjaan adalah rendah iaitu dan kebanyakan pelajar daripada pelbagai pusat latihan kemahiran gagal menempatkan diri di industri

berkaitan adalah kerana kemahiran yang diperoleh tidak sepadan atau tidak mencukupi dengan keperluan industri terbabit. Oleh itu, melalui, Komponen Kemahiran Vokasional yang terdiri daripada Kemahiran Vokasional Asas dan Kemahiran Vokasional Spesifik berasaskan penguasaan kemahiran bersesuaian dengan kehendak tenaga rakyat dan memenuhi keperluan industri.

Hal ini bersesuaian dengan Kemahiran Vokasional Spesifik yang menekankan kepada tiga aspek penting untuk menjadikan seseorang individu itu bersedia dengan alam pekerjaan iaitu aspek kemahiran kebolehpkerjaan (*employability skills*), kemahiran keusahawanan (*entrepreneurial skills*) dan kemahiran spesifik pekerjaan (*job specific skills*) yang bersifat kemahiran tangan (*hands-on*). Dengan menekankan kepentingan *employability skills*, pelajar akan mampu untuk menyempurnakan tugas yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan. Hal ini selaras dengan dapatan kajian McDaniels (1992) di mana antara *employability skills* yang diperlukan oleh majikan termasuklah berdikari, jujur, kemas, menepati masa, keupayaan berhubung secara berkesan, keupayaan bekerja dalam satu kumpulan, bercita-cita tinggi, mempunyai etika kerja yang baik, setia dan juga dapat membuat pengubahsuaian.

Dalam menjalankan aktiviti *hands-on* yang dijalankan dalam Komponen Kemahiran Vokasional, kemahiran kerja berpasukan yang melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya dapat dicapai. Selain itu, pelajar juga dapat memupuk kebolehan untuk membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama iaitu sesuatu projek yang telah ditugaskan. Kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan juga dapat dipupuk dalam diri pelajar yang apabila membuat projek kumpulan yang memerlukan pelajar untuk memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.

d) Kemahiran Keusahawanan

Menurut Yusuf (1998), setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Yang membezakan di antara usahawan dengan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja untuk membantu, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperoleh. Malahan, menurut Faoite *et al.* (2003), kesedaran terhadap kepentingan bidang keusahawanan ini dapat dilihat melalui peningkatan penawaran kursus, program, penyelidikan dan penerbitan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta permintaan oleh pelajar di seluruh dunia sejak tahun 1980-an. Hal ini dapat dilihat dengan pemupukan budaya keusahawanan secara merentas kurikulum yang relevan dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan kepada pelajar PAV. Ini kerana pelaksanaan kemahiran keusahawanan yang dijalankan adalah melalui aktiviti-

aktiviti pengajaran dan pembelajaran sehingga keusahawanan menjadi budaya dalam kehidupan seharian mereka.

Kemahiran keusahawanan melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko (*risk awareness*), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Komponen Kemahiran Keusahawanan diajar secara merentas kurikulum supaya pelajar dapat mengamalkan sikap keusahawanan, mengamalkan cara berfikir ke arah menghasilkan sesuatu idea, memperoleh kemahiran dan pengetahuan asas dalam konteks perniagaan, menghasilkan produk yang berasaskan kemahiran teknologi dan vokasional, serta mempunyai perlakuan yang bermoral dengan nilai etika yang tinggi. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian Davidsson (1995) yang mendapati bahawa pengalaman yang pernah ditimba mempunyai sedikit kesan ke atas kecenderungan keusahawanan iaitu dari segi pengetahuan praktikal. Melalui penerapan kemahiran ini, pelajar yang mempunyai ciri keusahawanan dan budaya kerja yang baik serta boleh menghasilkan inovasi, mereka cipta dan mempunyai kecenderungan untuk mengurus niaga akan dapat dihasilkan.

Ini juga sejajar dengan pertumbuhan ekonomi nasional yang menuntut peningkatan bilangan graduan dalam bidang teknikal dan vokasional serta berusaha melahirkan ramai golongan usahawan. Kolvereid (1996) turut mendapati bahawa peserta kajian yang mempunyai pengalaman keusahawanan lebih berminat untuk menjadi usahawan berbanding mereka yang tidak mempunyai pengalaman keusahawanan. Melalui pembelajaran keusahawanan merentas kurikulum ini membolehkan pelajar membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan serta merangka perancangan perniagaan setelah mereka tamat pengajian. Ini akan mempersiapkan diri pelajar untuk bekerja sendiri setelah mereka dapat mengenal pasti peluang perniagaan yang bersesuaian dengan kemahiran yang dibekalkan sepanjang 3 tahun pengajian PAV di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian.

e) Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat

Dalam kurikulum program PAV, pelajar didedahkan dengan teknologi agar mereka tidak ketinggalan daripada era globalisasi dan memperoleh kemahiran dan pengetahuan baru. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011a), Komponen Teknologi Vokasional pula bertujuan memberi pengukuhan ilmu sains, matematik dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). TMK untuk Vokasional antara subjek yang terdapat dalam Komponen Teknologi Vokasional ini membolehkan pelajar untuk mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber. Dengan cara ini, pelajar akan menerima idea baru dan seterusnya mengembangkan minda ingin tahu. Kegunaan komputer dalam pendidikan semakin bertambah dalam tempoh satu dekad yang lalu. Pembentukan masyarakat berilmu kini seharusnya diterapkan dengan TMK yang mampu menjana rakyat yang kaya dengan limpahan maklumat memandangkan komponen ini juga merupakan komponen yang menyokong kepada pembelajaran kemahiran vokasional.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001a) turut menjelaskan yang penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran mampu melahirkan pelajar yang belajar mengikut kemampuan sendiri di samping dapat meningkatkan motivasi mereka untuk belajar.

f) Etika Dan Moral Profesional

Penerapan nilai-nilai murni yang bersifat global akan turut membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia dan selaras dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia (Ee, 1995). Melalui Komponen Jati Diri dapat mengembangkan aspek fizikal dan estetika dalam diri murid melalui aspek dimensi Sahsia. Dimensi ini terdiri daripada Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral, dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, malahan turut mengandungi gerak kerja kokurikulum yang meliputi aktiviti sukan, badan beruniform, kelab dan persatuan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011b). Terdapat pelbagai kesan positif ke atas penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum, antaranya ialah mengawal diri, tolong-menolong, bertanggungjawab, bertimbang rasa, bertolak ansur, bercita-cita, menjaga kebersihan, mempunyai keyakinan diri, berfikiran tajam, rasional, berkemahiran, berdikari dan kreatif (Abdul Rahim, 1999). Dengan cara ini, pelajar akan belajar dalam suasana yang sentiasa mengamalkan sikap beretika dan seterusnya mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat. Malahan, gejala sosial di kalangan pelajar juga akan dapat diatasi kerana dapat membuat keputusan dalam menyelesaikan masalah berkaitan etika. Contohnya tidak melibatkan diri dengan vandalisme dan melibatkan diri dengan jenayah kerana sentiasa mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan interaksi sosial.

g) Kemahiran Kepimpinan

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011a), Komponen Jati Diri adalah untuk menyediakan pelajar kepada kemahiran berkomunikasi, menghayati dan mengamalkan ajaran agama, sikap dan nilai murni dalam kehidupan. Malahan bertepatan dengan dapatan kajian Mohd, Nuruddin & Yong (1995) di mana terdapat beberapa elemen-elemen kemahiran yang perlu ada pada graduan teknik dan vokasional yang berkeupayaan untuk berkomunikasi, berinisiatif, berkeyakinan dalam menghadapi cabaran-cabaran era globalisasi. Di samping itu, melalui Komponen Jati Diri dapat mengembangkan aspek fizikal dan estetika dalam diri pelajar melalui gerak kerja kokurikulum yang meliputi aktiviti sukan, badan beruniform, kelab dan persatuan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011a).

Terdapat pelbagai kesan positif ke atas penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum, antaranya ialah mengawal diri, tolong-menolong, bertanggungjawab, bertimbang rasa, bertolak ansur, bercita-cita, menjaga kebersihan, mempunyai keyakinan diri, berfikiran tajam, rasional, berkemahiran, berdikari dan kreatif (Abdul Rahim, 1999). Dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga dapat memupuk sifat kepimpinan untuk memimpin sesuatu projek yang mana kemahiran ini melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri

kepemimpinan dalam pelbagai aktiviti. Dengan cara ini, pelajar kan dapat mendisiplinkan diri mereka selain memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan bagi membiasakan pelajar untuk menyelia anggota pasukan. Ahmad Fadzi dan Abid (2005) menjelaskan bahawa antara kriteria untuk menjadi pemimpin berwibawa ialah:-

- Tetapkan matlamat dan optimis
- Berikan dorongan kepada orang lain menjadi kreatif dan inovatif
- Bersedia menangani risiko
- Usah takut berdepan dengan kesilapan
- Libatkan semua orang
- Serba boleh adalah digalakkan
- Jadilah seorang yang fleksibel dan adaptif
- Galakkan kerja berpasukan
- Berikan latihan dan peningkatan diri
- Berilah inisiatif sebagai galakan bagi perkara yang lebih baik

4. Isu dan Cabaran

PAV merupakan program baru yang menitikberatkan kompetensi kemahiran memandangkan murid yang ditawarkan masuk dalam program PAV terdiri daripada murid yang mempunyai pencapaian akademik pelajar yang rendah dirangka perlu memaksimumkan kandungan yang relevan dengan memuatkan dengan kandungan yang dapat mengasah. Oleh itu, keseimbangan antara penerapan kemahiran insaniah dengan kemahiran dapat membantu pelajar PAV meningkatkan pencapaian pengetahuan mereka di samping menjadi rakyat yang mampu menyumbang kepada kemajuan negara. Selain itu, penggubal kurikulum juga perlu mengambil kira faktor usia dan tahap pemikiran pelajar dengan kesesuaian kemahiran yang perlu dikuasai.

Penyediaan guru PAV berdasarkan bidang pengkhususan mengikut mata pelajaran PAV di peringkat Ijazah Sarjana Muda, jelas menjadi keutamaan untuk memandangkan melalui pengkhususan bidang ini akan melahirkan guru berkemahiran tinggi yang membentuk pelajar dalam menguasai Kemahiran Insaniah yang mampu menjadikan murid lebih beretika apabila berada di dunia pekerjaan dan dalam menjalani kehidupan seharian. Dengan penguasaan ilmu berkaitan Kemahiran Insaniah dapat menjamin tahap kualiti kemahiran pelajar dalam meningkatkan tenaga sumber negara pada masa akan datang. Bagaimana pun sebagai langkah awal penawaran kursus bagi mata pelajaran berkaitan boleh dilaksanakan dengan menawarkan mata pelajaran baru dalam program sedia ada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Penyemakan semula kurikulum PAV perlukan dibuat dari masa ke masa untuk menghadapi keperluan tempat kerja dan memenuhi jenis kemahiran yang diperlukan oleh industri.

5. Kesimpulan

Melalui kertas konsep ini menjelaskan dengan terperinci penerapan kemahiran insaniah dalam pelaksanaan program PAV. Program ini

memberikan peluang pendidikan kepada murid yang kurang berminat dengan pendidikan berorientasikan akademik dan lebih cenderung kepada program vokasional yang lebih menekankan aspek psikomotor dan berbentuk *hands-on*. Diharapkan melalui keberkesanan pelaksanaan PAV mampu melahirkan pelajar yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif, berkemahiran, bersedia dengan alam dunia pekerjaan dan penting sekali ialah mempunyai nilai-nilai yang murni untuk meningkatkan produktiviti dan memajukan ekonomi negara. Adalah diharapkan bahawa pelajar yang telah mengikuti program ini boleh menjalani kehidupan yang baik dalam dunia berteknologi yang kompleks dan sentiasa berubah dan berkembang ini.

6. Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang memberi peluang dan ruang kepada saya melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di samping menyediakan biasiswa kepada saya. Saya amat menghargai segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan Prof. Madya Engr. Dr. Mohamad Hisyam bin Mohd. Hashim selaku penyelia yang banyak membantu dalam penulisan kertas konsep ini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga buat suami tercinta Mohd Azfar bin Mohd Ridza, dan keluarga tersayang yang banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada saya.

7. Rujukan

Abbott, I. (1997). *Why Do We Have to Do Key Skills? Student Views about General National Vocational Qualifications*. *Journal of Vocational Education and Training*, 49(4), 617-630.

Abdul Rahim, A. A. (1999). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Tajudin, J. (2012, Januari 4). *Projek Rintis Program Asas Vokasional*, *Berita Harian*.

Azalya A. (2003). *Kepentingan Kemahiran Generik di Kalangan Pekerja di Industri Elektrik dan Elektronik Bayan Lepas Pulau Pinang*. (Projek Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia: Johor.

Ee, A. M. (1995). *Pendidikan Sebagai Satu Proses*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Faoite, D. F., Henry, C., Johnson, K. & Sijde, P. V. D. (2003). *Education and Training for Entrepreneurs: A Consideration of Initiatives in Ireland and Netherlands*. *Education and Training*, 45(9), 430-439.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011a). *Kertas Cadangan Bil. 4/2011, Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011b). *Panduan Perlaksanaan Rintis Pendidikan Asas Vokasional*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), *Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Sumber Manusia (2001). *Laporan Pasaran Buruh Tahun 2000. Jabatan Tenaga Rakyat*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Berhad.

Ku Seman, K. H. (2006, Disember 24). *Kurang Fikir Terhadap Kurang Upaya. Utusan Malaysia*. Dicapai pada January 5, 2012 daripada <http://utusan.com.my>

McDaniels, C. (Ed.). (1992). *Summary of Visits to 670 Roanoke, Virginia Area Business Industry- Government Employers: Summer 1992*. Roanoke, VA: Roanoke Area Tech Prep Consortium.

Mohd, M. Y., Nuruddin, M. F. & Yong, N. (1995). *Cabaran Perindustrian Masa Hadapan dan Kualiti Graduan Teknikal yang Diperlukan*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mok, S. S. (1996). *Pengajian Matematik untuk Diploma Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mustapa, M. (2007, Julai 14). *Ketiadaan Kemahiran Insaniah Punca Siswazah Menganggur, Kata Mustapa*. Dicapai pada Julai 30, 2012 daripada <http://www.bernama.com/>

Turker, D. & Selcuk, S. S. (2009). *Which Factors Affect Entrepreneurial Intention of University Students?*. *Journal of European Industrial Training*, 33(2), 142-159.

Warwick, D. (1989). *Interpretation and Aims*. In Warwick, D. 1989. *Linking Schools and Industry*. Oxford: Basil Blackwell Ltd